

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SPU318 - Kerajaan Demokratik

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja.

1. Dengan menggunakan Amerika Syarikat sebagai contoh pilihan, jelaskan ciri-ciri institusi kerajaan demokratik berpresiden. Bincangkan juga kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sistem kerajaan berpresiden ini.

(100 markah)

2. Dengan merujuk kepada pandangan Abul A'la-Maududi (al-Maududi) bincangkan peranan institusi-institusi kerajaan demokratik dari perspektif Islam. Kemudian jelaskan perbezaan-perbezaan utama antara prinsip demokrasi Islam dan Barat.

(100 markah)

3. John Locke (1632-1704) adalah antara pemikir utama aliran liberal di Eropah. Beliau dikenali sebagai salah seorang pelopor kepada konsep-konsep masyarakat sivil, masyarakat perniagaan, pemerintahan undang-undang, kontrak sosial dan kedaulatan rakyat. Bentangkan hujah-hujah Locke mengenai perkara-perkara di atas.

(100 markah)

4. Keadilan adalah merupakan salah satu prinsip pokok dalam kerajaan demokratik. Definisi umum keadilan menurut Islam ialah “meletakkan perkara yang hak (kewajipan) di tempat yang betul” Dengan menggunakan dalil-dalil tertentu huraikan prinsip keadilan ini dari perspektif demokrasi Islam.
(100 markah)
5. Menurut Bagehot sistem kerajaan demokratik berparlimen dalam praktisnya mengamalkan percantuman kuasa (fusion of power) khusunya antara badan eksekutif dan badan legislatif.
- (a) Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada Malaysia sebagai contoh.
- (b) Pada pandangan anda bagaimakah prinsip “kawal-imbang” boleh dipraktikan di dalam sistem demokrasi berparlimen.
(100 markah)

- oo o0o oo -